

22/08/1997

Mahathir ajak China tingkat keamanan (HL)

Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia percaya Asean dan China mempunyai peranan utama dalam meningkatkan keamanan, kestabilan dan kemakmuran di rantau ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang menghargai sokongan China terhadap cadangan Asean supaya negara Asia Timur bertukar pandangan dalam soal keamanan, kestabilan dan pertumbuhan ekonomi rantau ini, yakin kerjasama itu menjadi kenyataan tidak lama lagi.

"Saya yakin cadangan ini akan menjadi realiti dalam waktu yang tidak berapa lama lagi dan akan mencatatkan satu lagi sejarah baru dalam bidang kerjasama di kalangan negara Asia Timur," katanya ketika berucap pada majlis meraikan rakan sejawatannya dari China, Li Peng, di Sri Perdana, malam ini.

Pemimpin China itu yang mengetuai delegasi 117 orang tiba di sini, petang ini untuk lawatan rasmi empat hari.

Hadir sama ialah isterinya, Zhu Lin; Timbalan Ketua Setiausaha Majlis Negara, He Chunlin; Menteri Industri Pembinaan Jentera, Bao Xuding; Naib Menteri Luar, Tang Jiaxuan dan pegawai kanan kerajaan.

Ketika Dr Mahathir mencetuskan idea penubuhan kerjasama di kalangan negara Asia Timur iaitu Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) pada awal 1990-an, China menjadi antara negara luar Asean pertama menyokong cadangan itu.

Idea berkenaan mendapat tentangan Barat tetapi disokong Asean, seterusnya dijadikan matlamat gagasan itu dalam Perisytiharan Sidang Kemuncak Asean Keempat di Singapura pada 1992.

Sejak itu, ketua negara Asean dan menteri luar negara yang dianggap bakal menyertai EAEC, iaitu 10 negara Asia Tenggara, China, Jepun dan Korea Selatan beberapa kali mengadakan perbincangan tidak rasmi sempena mesyuarat Asean.

Sidang Kemuncak tidak rasmi Asean di ibu negara di antara 14 dan 16 Disember ini sekali lagi turut menyaksikan pertemuan tidak rasmi 13 negara Asia Timur terbabit.

Perisytiharan Mesyuarat Menteri Luar Asean (AMM) ke-30 di sini, Julai lalu turut merakamkan harapan bahawa penubuhan EAEC akan direalisasikan tidak lama lagi.

Dr Mahathir berkata, kerjasama China untuk membantu Asean mencari penyelesaian terhadap soal Kemboja selain meningkatkan kedudukan ekonomi seperti di Lembangan Mekong, amat dihargai.

"Malaysia percaya Asean mesti meneruskan peranannya membantu rakyat negara itu mencari penyelesaian damai bagi masalah yang mereka hadapi sekarang.

"Asean mengalu-alukan sumbangan China dalam usaha bersama untuk mencapai jalan penyelesaian damai itu supaya Kemboja dapat menumpukan tenaga ke arah pembangunan negaranya," katanya.

Mengenai hubungan Malaysia-China, Perdana Menteri menganggap lawatan Li Peng ke Malaysia pada 1990 mengorak langkah baru dalam perkembangan hubungan dua hala kedua-dua negara khususnya dari segi perdagangan dan pelaburan serta hubungan antara rakyat.

"Saya juga gembira mendapati hubungan diplomatik dan politik antara kedua-dua negara berjalan seiring dengan kemajuan pesat dalam hubungan dua hala ekonomi kita," katanya.

Tahun lalu, dagangan antara kedua-dua negara mencapai RM9.45 bilion

berbanding RM1.2 bilion pada 1995.

Sementara itu, Li Peng dalam satu kenyataan setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS), Subang, petang ini berharap hubungan persahabatan dan persefahaman China-Malaysia dapat dipertingkatkan lagi.

"Lawatan saya ke Malaysia bersifat persahabatan dan kerjasama.

"Saya berharap dapat bertukar pendapat secara mendalam dengan Dr Mahathir dan pemimpin Malaysia lain mengenai hubungan dua hala dan isu kepentingan bersama," katanya.

Ketibaannya disambut oleh Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, selaku menteri pengiring.

Beliau kemudian dibawa ke Medan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Menurut Li Peng, beliau ingin mengambil kesempatan daripada lawatan itu untuk melihat sendiri kejayaan Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini terutama pembangunan ekonomi dan sosial.

Beliau berkata, China dan Malaysia adalah jiran yang baik dan rakyat kedua-dua negara pula menikmati hubungan yang mesra.

"Dalam beberapa tahun ini, hasil daripada usaha bersama kita, hubungan dua hala menyaksikan kemajuan yang pesat seperti terbukti oleh pertukaran lawatan yang kerap antara pemimpin kedua-dua negara.

"Ia juga terbukti oleh hasil yang menggalakkan daripada kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan, kebudayaan dan pendidikan serta pengukuhan hubungan persahabatan tradisional di antara rakyat kedua-dua negara," katanya.

Sementara itu, dalam ucapan balasnya, Li berkata, Malaysia mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang pesat, mencapai kejayaan dalam membentuk negara dan kini berusaha menjadi sebuah kuasa perindustrian menjelang 2020.

"Malaysia sudah mengambil bahagian secara aktif dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa.

"Ia telah mendukung keadilan dalam hal ehwal antarabangsa dengan mencabar kuasa besar dan bekerja dalam membangun secara bersama negara dunia ketiga, sesuatu yang kami hargai dan kagumi," katanya.

Beliau berkata, menerusi usaha gigih kedua-dua negara, hubungan persahabatan dan kerjasama akan mengalami pengalaman yang baru dan meningkat.

Mengenai Asean, Li berkata kumpulan itu telah memainkan peranan yang semakin meningkat dalam hal ehwal serantau dan antarabangsa.

"China dan Asean kini berhubungan dalam kerjasama menyeluruh yang membuah hasil.

"Kami di China ingin bersama-sama negara Asean mewujudkan suasana yang mesra dan mengadakan hubungan yang baik dengan semua jiran dalam abad ke-21 kelak," katanya.

(END)